



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/06 (20)
Tarikh : 15 Mac 2019
Bersamaan : 08 Rejab 1440H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 6 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (Arahan Perbendaharaan 11), Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab mengemukakan Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal/Pemungut kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya kepada Pejabat Perakaunan (AO) dan perlu dikemaskini setiap kali berlaku perubahan pegawai.

3. Oleh itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk mengemukakan salinan kebenaran khusus secara bertulis dengan menyediakan butir-butir nama, jawatan dan lain- lain yang berkenaan selaras dengan Perwakilan dalam format Arahan Perbendaharaan 11 kepada pejabat ini.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka